

Ruj.Kami : JANM.PRK.600-1/1/129 (19)  
Tarikh : 20 Februari 2025

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**BKK TAHUN 2025: KAEDAH PELAKSANAAN BAYARAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2025 MELALUI SISTEM iGFMS BAGI PERSONEL MySTEP**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada arahan daripada Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) melalui ruj. email BPOPP/SPO (Emel)/2025 (77) bertarikh 19 Februari 2025. Dimaklumkan bahawa proses pembayaran BKK Tahun 2025 bagi Personel MySTEP yang diproses melalui *Daily Rated Cycle* di dalam Sistem *Human Capital Management* (HCM) akan dibayar bersekali dengan gaji bulan Februari 2025 iaitu selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.
3. Manakala bagi pembayaran gaji Personel MySTEP yang diproses melalui Arahan Pembayaran di dalam Sistem iGFMS, bayaran BKK Tahun 2025 turut diproses bersama-sama gaji bulan Februari 2025. Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu memastikan bayaran dibuat dalam tempoh selewat-lewatnya pada hari ketujuh (7) bekerja bulan berikutnya.
4. Sila catatkan nombor rujukan buletin ini di ruangan Perihal Bayaran. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT GAJI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**